

# HUBUNGAN (Part 9)

Omar Nor Bin Abu Bakar, Mohd Hafizullah Amin Mat Noor & Mohd Roshan Bin Sarkarsi

## REMAJA

Setiap daripada kita memerlukan kasih sayang samada daripada ibu bapa, guru, suami atau isteri. Ini adalah penting untuk menstabilkan emosi kita. Begitu juga keperluan bagi kanak-kanak. Mereka perlu merasa diri mereka disayangi oleh guru dan ibu bapa serta rakan-rakan mereka. Para remaja yang tidak mendapat perhatian dan kasih sayang daripada orang dewasa akan bertindak untuk mendapatkannya.

Selain daripada itu, keperluan penghargaan diperlukan oleh remaja. Penghargaan hendaklah diberi untuk satu-satu hasil yang baik. Sekiranya penghargaan dalam bentuk pujian tidak diberi kepada pelajar berkenaan maka semangat untuk terus berusaha akan bertambah lemah. Penghargaan dari ibu bapa boleh menyebabkan seseorang anak itu berasa lebih yakin. Ini akan mendorong mereka untuk menunjukkan pelbagai inisiatif untuk berjaya menghasilkan sesuatu yang terbaik.

Dewasa ini, seringkali kita dengar berita mengenai pelbagai gejala sosial atau keruntuhan moral dikalangan remaja seperti bohsia-bohjan, lumba haram, seks bebas, kes rogol, kecurian, gangster dan banyak lagi. Ini mungkin disebabkan kurang perhatian dan belaian kasih sayang daripada ibu bapa dirumah. Selain daripada itu, pada masa kini wang amat penting untuk mendapatkan keperluan harian dan memenuhi kehendak diri sendiri. Oleh sebab itu, kebanyakan ibu bapa sibuk mencari rezeki untuk memenuhi keperluan dan kehendak keluarga dan diri sendiri. Apabila ibu bapa sibuk diluar rumah maka anak-anak mungkin rasa terabai dan kesunyian. Sehubungan dengan itu, remaja atau seorang anak yang kurang mendapat pendidikan dan kasih sayang yang sempurna daripada ibu bapa khususnya, menyebabkan mereka mencari identiti dan kasih sayang daripada orang yang dipercayainya diluar rumah.

Lantaran kesunyian dirumah dengan tiada tempat untuk mengadu masalah dan berkongsi pengalaman manis mahupun pahit dengan ibu bapa, para remaja mungkin mencari teman rapat. Dengan teman atau rakan yang memberikan sokongan moral akan memberikan kesenangan hati atau jiwa untuk mengisi ruang kesunyian. Namun begitu, memilih rakan

sebaya tanpa menilai baik buruk akhlaq mereka membolehkan seseorang remaja itu menjadi seorang yang baik dan berguna untuk agama, bangsa dan negara atau sebaliknya yang akan membinasakan diri. Oleh itu, rakan sebaya memainkan peranan yang penting dan memberi impak yang cukup besar terhadap sikap dan pemikiran remaja. Ini disebabkan pengaruh rakan sebaya boleh membawa kepada kebaikan, kejayaan hidup atau kehancuran.

Selain daripada itu, setiap orang mempunyai sikap, tanggapan dan pemikiran yang tersendiri dan unik terhadap diri sendiri dan orang lain. Terdapat keluarga yang baik dan hampir sempurna dari segi pendidikan, kekayaan dan hubungan antara ahli keluarga. Terdapat juga keluarga yang porak peranda akibat daripada sikap negatif ibu bapa itu sendiri seperti pemaarah, mendera, ganas dan lain-lain lagi. Kadang-kadang ada juga remaja merasa sunyi kerana tiada tempat untuk mengadu semua perkara yang berlaku dirumah seperti seringkali dimarahi dan dipukul atau didera oleh ibu bapa mereka dan menjadi mangsa pergaduhan dan lepas geram ibu bapa sendiri. Justeru itu mereka merasa hilang belaian kasih sayang, tempat mengadu dan tempat bergantung untuk meluahkan segala masalah yang dihadapinya.

Walaupun bagaimanapun, ada juga remaja yang berasa kesunyian dari jalinan persahabatan dengan rakan-rakan yang lain. Perkara ini mungkin terjadi disebabkan oleh sikap remaja itu sendiri yang amat pendiam dan tidak pandai bergaul dengan orang lain. Sikap yang pendiam dan sukar dikikis mengakibatkan mereka sukar memperolehi rakan, sahabat dan teman seperjuangan. Keadaan ini boleh menimbulkan konflik kepada remaja kerana dalam proses mengenali personaliti diri remaja seringkali terkeliru antara realiti dan fantasi.

Hubungan keluarga amat penting kerana ianya asas sosial untuk bergaul dengan masyarakat sekeliling. Anak adalah amanah daripada tuhan untuk diasuh dan dididik supaya menjadi khalifah yang baik di atas muka bumi bagi menyambung warisan amanah Allah dan sekaligus menjaga ibu bapa mereka sendiri kelak.